

Generasi muda penerus pembentukan negara

Oleh Ibrahim Yahaya

PERHIMPUNAN Pemuda Barisan di Tawau, Sabah, 16 September lalu, adalah satu forum terbaik untuk barisan Pemuda Barisan Nasional (BN) meninjau dan menilai kembali sumbangan serta perjuangan mereka kepada negara. Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan buku cenderamata perhimpunan itu berkata menerusi pertemuan berkenaan, Pemuda akan dapat mencari arah baru atau wawasan perjuangan dalam melalui dekad terakhir abad ini dan menempuh awal abad baru yang lebih gemilang. Perhimpunan barisan Pemuda daripada parti komponen BN yang mewakili pelbagai kaum negara ini, pasti mengeratkan silaturahmi di kalangan mereka. Ini baik demi keharmonian kaum, kestabilan politik dan keamanan negara kerana generasi muda adalah asas kekuatan dan pembentukan negara.

Dr Mahathir seterusnya menerangkan suasana yang penuh persefahaman dan baik ini akan turut mempengaruhi dan meningkatkan lagi perpaduan di kalangan semua lapisan rakyat Malaysia

dihormati malah orang lain akan menempelak dengan kemunduran negara," kata Dr Mahathir.

Sehubungan itu, tidak ada permintaan yang lebih wajar oleh kerajaan kepada rakyatnya bagi menjayakan matlamat Wawasan 2020, selain bersatu-padu dan mengelakkan perpecahan kaum.

Pelbagai peperangan dan perpecahan kaum yang berlaku di luar negara terutama di negara-negara bekas Soviet Union seperti Yugoslavia terutama Bosnia-Herzegovina, perlu dijadikan iktibar oleh rakyat untuk mengekal dan memantapkan lagi perpaduan yang menjadi tonggak kemajuan. Perpaduan dan penyatuan kaum akan mengukuhkan negara ini. Pelbagai malapetaka dan bencana alam di luar negara seperti kekurangan makanan di Somalia sepatutnya menginsafkan rakyat mengenai nikmat dan kemakmuran yang diterima selama ini.

Sejak memperjuangkan kemerdekaan, rakyat negara ini memahami dengan bersatu dalam satu perikatan, British yang menjajah Malaya ketika itu, lebih menghormati mereka berbanding tinda-

adalah antara usaha memperluaskan pengaruh Umno ke Sabah. Ada juga berpendapat pemilihan tempat perhimpunan itu adalah tepat sempena genapnya 29 tahun Sabah menyertai Malaysia; mungkin untuk mengingatkan penduduk Sabah

pada penduduk Semenanjung dan Sarawak malah Labuan sekalipun, merenggangkan lagi hubungan antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri. Mereka juga harus memahami bahawa sikap taksub kepada pemimpin tertentu bukan saja

melepaskan tuntutan mereka seperti Filipina. Amat malang bagi penduduk Sabah jika terus mengikut kemahuan pemimpin mereka sehingga melemahkan negeri itu. Mereka harus menyedari dengan kemasukan negeri itu dalam Malaysia, pelbagai faedah yang diperole-

ada orang yang cuba mempermainkan kedudukan Sabah, yang tanpa penyatuan dengan Malaysia, menjadi kecil dan mudah diancam oleh negara lain.

Sehubungan itu, terpuhlanglah rakyat Sabah terutama generasi muda memikirkan sebaik-baiknya siapakah yang harus memerintah negeri itu di masa akan datang. Tidak dinafikan menjadi aliran di Sabah, penduduknya sering menukar tampuk pemerintahan daripada satu parti kepada yang lain seperti Usno, Berjaya dan PBS, selepas tempoh tertentu. Parti-parti itu kemudiannya menyertai BN selepas mencapai kemenangan dan berjaya membangunkan Sabah sehingga apa yang boleh dilihat sekarang.

Bagaimanapun, keadaan berubah sejak PBS yang memerintah Sabah, keluar daripada BN pada 1990.

Tindakan PBS itu, sehingga kini tidak menunjukkan sebarang hasil sebaliknya menimbulkan ketegangan dengan Kerajaan Pusat. Pemimpin PBS sedar dengan kesilapan mereka dan berusaha bekerjasama semula dengan BN. Bagaimanapun,

dan mengukuhkan usaha ke arah integrasi nasional. Generasi muda, oleh itu, harus peka kepada sebarang peristiwa yang berlaku di sekeliling mereka dan bersama memelihara kesejahteraan negara agar rakyat dapat terus hidup aman. Sebagai pewaris kepemimpinan negara, Pemuda harus bersedia menghadapi cabaran ini agar negara terus beroleh kejayaan, keselamatannya terjamin dan kewibawaannya disegani oleh dunia. Kerajaan BN masih mempunyai tanggungjawab dan komitmen yang amat besar terhadap rakyat.

Dalam ucapannya di perhimpunan itu pula, Dr Mahathir meminta rakyat memastikan perpaduan terus dapat dikekalkan bagi membolehkan negara membangun tanpa diganggu-gugat oleh perpecahan kaum. Dengan menjadi negara maju dan stabil, Malaysia akan dihormati di peringkat antarabangsa. Jika negara miskin, Malaysia akan dihina dan suaranya tidak akan diendahkan di mana-mana saja.

"Saya berani bersuara di forum-forum antarabangsa kerana negara ini sudah maju dan dihormati. Jika negara ini miskin, saya bukan saja tidak

kan memerdekakan diri secara bersendirian. Perlis, Kedah atau Johor malah negeri-negeri lain di masa lalu boleh meminta kemerdekaan bersendirian tetapi pemimpin negeri itu menyedari tuntutan mereka sudah pasti tidak akan dilayani malah diketepikan. Sehubungan itu, kejayaan memerdekakan negara adalah hasil pandangan jauh pemimpin ketika itu.

Kini, setelah 35 tahun merdeka, Dr Mahathir yang membuktikan kewibawaan kepemimpinannya, meminta rakyat mengengang konsep perjuangan kemerdekaan. Daripada sejarahlah kita harus belajar bagi memastikan tiada kekecewaan dan kehampaan di masa akan datang. Peristiwa 13 Mei 1969, perlu dijadikan ingatan generasi muda bahawa ia adalah satu kejadian yang tidak menguntungkan sesiapa. Malah negara yang tidak stabil dan kukuh ekonominya, akan mudah menerima ancaman daripada pelbagai pihak terutama negara jiran.

Apakah kesannya Perhimpunan Pemuda Barisan diadakan di Sabah terutama di Tawau, bandar kedua terbesar di negeri itu. Sesetengah pihak berpendapat langkah itu

mengenai usaha kemerdekaan dalam Malaysia. Apa pun pandangan yang diberikan, perhimpunan itu memberi peluang kepada pemimpin negara terutama BN menjelaskan hasrat mereka untuk diberi peluang memerintah Sabah.

"BN ingin memerintah Sabah bukan kerana tamak kuasa, tetapi untuk menawarkan khidmat yang sama seperti yang diberikan kepada negeri lain dalam Malaysia. Kami mahu membangunkan Sabah seperti kita membangunkan negeri lain," kata Dr Mahathir.

Menurutnya, akibat sikap mementingkan diri sendiri yang diamalkan oleh pemimpin Parti Bersatu Sabah (PBS) negeri itu menjadi sebuah negeri yang mundur. Perbezaan jelas di segi pembangunan dengan jirannya, Sarawak, seperti yang disuarakan oleh Dr Mahathir, adalah pandangan ikhlas pemimpin yang mahu semua rakyat, tidak kira apa asal keturunan, menikmati kemakmuran negara. Rakyat Sabah juga diminta supaya menyedari pelbagai tindakan yang diambil oleh pemimpin PBS seperti memelopori slogan 'Sabah untuk orang Sabah', peraturan imigresen yang ketat ke-

merosakkan diri sendiri tetapi juga Negeri Di Bawah Bayu itu.

Dr Mahathir berkata, tindakan sesetengah pemimpin PBS yang cuba mempermainkan sentimen kesukuan dan perkauman adalah satu tindakan yang berbahaya dan akan membawa padah. Sebagai rakyat, mereka akan mengikut kata-kata pemimpin apatah lagi yang berpengaruh. Jika putih kata pemimpin, putihlah kepercayaan mereka walaupun kini sudah ramai golongan terpelajar. Mereka akan lebih yakin dengan pemimpin, jika setiap hari disogokkan dengan kebencian tertentu dan pengakuan pemimpin itu sendiri memperjuangkan kepentingan kaum mereka. Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta rakyat berfikir dengan matang terhadap tindakan pemimpin yang hanya mementingkan diri mereka sendiri. Semangat kesukuan dan perkauman akan menjuruskan Sabah ke arah sebuah negeri yang bersendirian. Itu bukanlah matlamat penubuhan Malaysia pada 1963.

Dengan bersendirian, sudah pasti ramai pihak yang akan berminat dengan negeri itu, apatah lagi ada yang masih be-

hi hingga membolehkan mereka menjadi bangsa Malaysia yang berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan penduduk negeri lain.

Keakraban yang terjalin sejak sebelum merdeka tidak harus dimusnahkan. Penduduk Semenanjung yang menyertai tentera sejak dulu lagi menawarkan diri untuk mempertahankan Sabah. Cerita Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak, di perhimpunan kelmarin, mengenai peristiwa serang hendap pada 1963 yang mengorbankan tujuh anggota tentera dan mencederakan 16 orang ketika mempertahankan Sabah adalah contoh terbaik bagaimana penduduk Semenanjung yang bersemangat bangsa Malaysia sanggup mengorbankan nyawa bagi mempertahankan Sabah.

"Askar itu tidak kata saya dari Perlis, atau Johor, Kedah dan mengapa perlu saya membebaskan dan mempertahankan Sabah. Sebaliknya, mereka berjuang dan sanggup mempertaruhkan nyawa mempertahankan negeri ini. Asalkan ada orang niat jahat, mereka sanggup berkorban atau mati," katanya.

Di zaman konfrontasi,

tindakan 'tikam daripada belakang' yang dilakukan oleh PBS menjelang pilihanraya lalu, adalah tindakan yang amat perit dan tidak akan dilupakan. Tindakan itu menyebabkan Umno bertapak di Sabah dan kini berjaya pula mendapat kerusi pertamanya di Usukan menerusi kemenangan Bapa Kemerdekaan Sabah, Tun Mustapha Datu Harun, pada 1991.

Kini, Umno dan parti komponen BN lain, yang mempunyai *track record* baik sejak merdeka menerusi Kerajaan Perikatan dan BN, menawarkan diri untuk membantu Sabah keluar daripada pelbagai masalah yang sengaja diadakan oleh pemimpin PBS. Dr Mahathir juga menerangkan bahawa hubungan dan kerjasama antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri boleh diperbaiki dengan menukarkan pemimpin sekarang dengan pemimpin berpandangan jauh.

Menurut Perdana Menteri, pemimpin PBS sekarang berpandangan sempit dan menimbulkan pelbagai isu yang boleh memecahkan hubungan Semenanjung dan Sabah. Apakah generasi muda mampu berfikir dan bertindak memasti tawaran itu jadi kenyataan?